

# Naik usia persaraan lebih banyak implikasi negatif

**Baru-baru** ini, Bank Dunia mencadangkan untuk menaikkan usia persaraan daripada 60 tahun kepada 65 tahun.

Antara sebab utama kerana Malaysia antara negara yang mempunyai kadar penduduk warga emas yang tinggi dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan yang semakin menurun.

Menurut laporan Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), kadar pertumbuhan penduduk pada 2019 hanya mencatatkan sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu 1.1 peratus pada 2018 dan 2.6 peratus pada 2010.

Kadar kesuburan juga semakin menurun tahun ke tahun daripada 4.9 anak pada 1970 kepada 1.9 anak pada 2017 dan terkini, 1.8 anak bagi perempuan berusia 15 hingga 49 tahun pada 2018.

Dengan peningkatan taraf hidup dan ilmu perubatan moden yang semakin baik juga, kadar purata jangka hayat rakyat Malaysia semakin meningkat, iaitu 76 tahun.

Ini menyumbang kepada peningkatan jumlah warga emas berbanding golongan muda. Keadaan ini turut dipanggil sebagai populasi penuaan.

Secara keseluruhannya, jumlah penduduk adalah 32.6 juta dengan 22.8 juta (70 peratus) daripadanya adalah dalam lingkungan usia 15 hingga 64 tahun. Persoalannya, adakah rakyat Malaysia bersedia dengan perubahan usia persaraan ini?

Dalam kajian dibuat IPSOS pada 2018, sebanyak 76 peratus daripada responden rakyat Malaysia bersetuju adalah menjadi tanggungjawab orang muda untuk menjaga warga emas.

Warga emas tidak sewajarnya dibebankan dengan bekerja ketika mencapai usia emas melebihi 60 tahun.

Budaya ini berbeza sekali dengan negara maju lain seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Jepun yang turut mencatatkan populasi penuaan tinggi, tetapi mempunyai had umur persaraan lebih tinggi, iaitu 62 tahun bagi AS, UK (68 tahun) dan Jepun (65 tahun).

Ini bersesuaian dengan purata jangka hayat di AS, UK dan Jepun yang juga lebih tinggi, iaitu masing-masing 79, 81 dan 85 tahun berbanding di Malaysia.

Kebanyakan negara maju ini mempunyai sistem persaraan dan perlindungan sosial yang lebih baik.

Antara sebab utama desakan kepada peningkatan had usia persaraan adalah kerana kebanyakan pekerja berusia emas dalam perkhidmatan masih menanggung kos sara hidup yang tinggi seperti keperluan harian dan perubatan, termasuk perlu membayar komitmen hutang yang masih tinggi selepas bersara.

**Antara sebab utama desakan kepada peningkatan had usia persaraan adalah kerana kebanyakan pekerja berusia emas dalam perkhidmatan masih menanggung kos sara hidup yang tinggi seperti keperluan harian dan perubatan, termasuk perlu membayar komitmen hutang yang masih tinggi selepas bersara.**

Walaupun ada skim pencen atau pun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia masih tidak lestari untuk satu tempoh yang panjang.

Malah, ada mereka yang sudah terbiasa dengan gaya hidup dan tingkat perbelanjaan ketika berkerja, tidak dapat menerima hakikat untuk menukar gaya hidup sekiranya jumlah pencen atau simpanan tidak sama seperti jumlah gaji yang diterima ketika bekerja.

Selain itu, ada kebimbangan seperti tiada siapa yang dapat menjaga mereka apabila tiada pendapatan selepas bersara dan kekurangan pusat jagaan warga emas.

Sudah pasti apabila cadangan perubahan usia bersara ditetapkan, ia akan memberi impak dan implikasi kepada ekonomi rakyat Malaysia. Meningkatkan usia persaraan dapat membantu modal manusia negara kerana kebanyakan mereka mempunyai pengalaman kerja yang lebih lama berbanding mengambil pekerja muda yang baharu.

Malah, tingkat upah purata yang diukur menerusi produktiviti juga meningkat sekiranya ramai pekerja yang berpengalaman masih bekerja.

Namun, ada kerisauan sekiranya mereka hanya mengisi jawatan dan menerima gaji buta berikutan tidak banyak lagi memberi sumbangan dan kurang produktif kerana semakin berusia.

Selain itu, sekiranya usia persaraan ditingkatkan kepada 65 tahun, duit pencen atau KWSP mereka boleh dilaburkan semula. Kerajaan boleh menggunakan duit pencen atau KWSP golongan ini untuk tujuan pelaburan bagi projek pembangunan dan menjana pendapatan negara semula.

Keadaan ini dinamakan 'Ponzi Games' atau permainan skim Ponzi. Ia boleh diamalkan sekiranya jangkaan kadar pulangan daripada pelaburan adalah lebih tinggi berbanding kos kadar faedah pinjaman pencen atau

KWSP itu sendiri.

Dengan itu, lebih banyak projek pembangunan dapat dilakukan dan pulangan daripada pelaburan berkenaan dapat membayar balik kos pinjaman daripada dana pencen atau KWSP.

Pun begitu, ada beberapa implikasi negatif. Impak utama adalah kepada pengangguran dalam kalangan belia.

Jika dilihat statistik pengangguran di Malaysia, kebanyakan penganggur datang daripada belia yang berada dalam kumpulan umur antara 15 hingga 19 tahun, 20 hingga 24 tahun, dan 25 hingga 29 tahun yang menyumbang kira-kira 61 peratus daripada jumlah pengangguran.

Jadi, sekiranya had usia persaraan dinaikkan kepada 65 tahun, sudah pasti golongan muda makin sukar mendapatkan tempat dalam pasaran pekerjaan. Jumlah pekerja sedia ada terhad dan masih ramai didominasi golongan warga emas berusia antara 60 hingga 65 tahun.

Tambahan lagi, situasi sekarang diburukkan dengan pandemik COVID-19 yang mana jumlah penawaran kerja semakin tipis dan pekerja sedia ada juga dibuang pekerjaan.


Dari segi bebanan kewangan kepada kerajaan atau swasta pula, sudah pasti akan lebih tinggi jika mengambil ramai pekerja yang sudah berusia kerana kadar gaji adalah secara relatifnya lebih tinggi mengikut pengalaman dan tahun berkhidmat.

Malah, kebanyakan majikan terpaksa menanggung insentif pembayaran kesihatan dan perubatan kepada pekerja dan sekiranya semakin ramai pekerja yang berusia, ia akan meningkatkan kos majikan.

**Penulis adalah** Pensyarah Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Prof Madya Dr Norliin Khalid



Golongan muda makin sukar dapat tempat dalam pasaran pekerjaan jika had usia persaraan dinaikkan kepada 65 tahun.

(Foto hiasan)